



PEJABAT BKS : MASJID NURUL HIDAYAH, JALAN H, KAMPUNG PANDAN DALAM, 55100 KUALA LUMPUR
ALAMAT SURAT- MENYURAT : NO 17, LORONG LAMAN 5 (C5), KAMPUNG PANDAN DALAM, 55100 KUALA LUMPUR

SP/01/2019

13 April 2019

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Semua Ahli BKS

Tuan / Puan,

PENYAMBUNGAN KEAHLIAN BADAN KEBAJIKAN SALATULRAHIM BAGI KES KEMATIAN PASANGAN

2. Merujuk perkara di atas, pihak pengurusan Badan Kebajikan Salatullah telah mengambil perhatian bagi kes berkaitan keahlian BKS tidak disambung oleh pasangan si mati selepas mana berlaku kematian pasangan mereka yang merupakan ahli BKS. Perkara ini menyebabkan pasangan tersebut tidak mendapat sebarang faedah khairat kematian di bawah polisi BKS kerana beliau bukan ahli BKS.
3. Sehubungan itu, pihak pengurusan melalui keputusan minit mesyuarat Bil 2/2109-Induk telah memutuskan agar pasangan kepada pencarum yuran BKS menyambung terus keahlian BKS selepas berlaku kematian pasangan tersebut. Perkara ini boleh dilakukan dengan cara memaklumkan kepada Pengutip Yuran dan mengisi borang Maklumat Peribadi tanpa sebarang yuran tambahan dikenakan.
4. Kerjasama dan perhatian Tuan / Puan didahului dengan ucapan berbanyak terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

UST. HJ. WAN ABDULLAH SHAHIR BIN WAN ABD HAMID
YANG DIPERTUA
BADAN KEBAJIKAN SALATULRAHIM
KAMPUNG PANDAN DALAM KUALA LUMPUR